

Siapa sebenarnya pekak - Mohd. Asri

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
pengarang@utusan.com.my

ARAU 30 APRIL

MUFTI Perlis, Datuk Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin mempertahankan kenyataannya bahawa Islam berada dalam keadaan yang tidak begitu selamat di bawah pentadbiran hari ini meskipun Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menggelarnya sebagai 'pekak'.

Dalam masa sama, Mohd. Asri turut mempersoalkan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu, siapa sebenarnya pekak kerana apa yang beliau katakan adalah realiti disuarakan oleh setiap lapisan masyarakat Islam di negara ini.

Katanya, beliau faham Dr. Mahathir mungkin tergores dengan kenyataan itu disebabkan hubungan baik antara mereka selama ini.

“Banyak berita pagi ini pasal kenyataan YAB Tun M (Dr. Ma-



DR. ASRI ZAINUL ABIDIN



DR. MAHATHIR MOHAMAD

hathir) 'Mufti Perlis pekak' sebab kritikan saya (bahawa) mempertahankan Islam kurang kedengaran dalam kalangan pimpinan kerajaan hari ini. Umat Islam rasa kurang selamat.

“Namun, sesiapa yang mampu mendengar keresahan rakyat, itulah realiti yang disuarakan oleh setiap lapisan masyarakat Islam di negara ini. Saya tidak pasti siapa yang pekak,” katanya dalam status akaun Facebook miliknya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr. Mahathir semalam yang menyifatkan Mohd. Asri sebagai

'pekak' kerana mendakwa kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak mempertahankan Islam.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu dilaporkan berkata, jika Mohd. Asri boleh mendengar, sudah tentu beliau tahu pelbagai usaha dilakukan kerajaan PH dalam menjaga Islam di negara ini.

Semalam, Mohd. Asri menyifatkan realiti politik pada masa ini yang membiarkan umat Islam dibuli telah menyebabkan rakyat akur bahawa agama Islam berada dalam keadaan tidak begitu selamat di bawah pentadbiran kerajaan hari ini.

Menurut Mufti Perlis itu, beberapa tahun lalu Dr. Mahathir ada menulis sebuah catatan kepada beliau yang berbunyi; “Jangan ketepikan kebenaran kerana takut... Perjuangan yang bebas dari cabaran dan tentangan bukanlah perjuangan yang sebenarnya”.

“Insha-Allah saya akan berpegang kepada falsafah itu sekali pun terhadap kerajaan pimpinan Dr. Mahathir sendiri.”